

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

YFP 303/6 - Penerbitan Televisyen II

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT soalan: DUA dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B.

Bahagian A

1. "Keadaan sistem penyiaran berbeza-beza mengikut persekitaran politik di negara masing-masing" (Sydney W. Head, 1985).

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, senaraikan apakah sistem-sistem yang berbeza-beza itu dan huraikan apakah kekuatan dan kelemahan sistem masing-masing.

(25 markah)

2. Apakah perbezaan-perbezaan yang terdapat di antara drama penerbitan tempatan dan drama yang diimport, khususnya daripada Amerika Syarikat? Perbincangan anda haruslah merangkumi aspek isi kandungan (cerita & mesej), aspek seni (lakonan, set, lokasi, dll.) dan aspek teknikal (kamera, cahaya, suntingan, dll.). Anda digalakkan memberi contoh-contoh di mana boleh.

(25 markah)

Bahagian B

3. a. Di dalam studio televisyen, sebuah kamera yang diletakkan di atas "pedestal" yang boleh bergerak, boleh digerakkan melalui berbagai cara untuk menghasilkan berbagai syot. Senaraikan cara-cara gerakan ini dan terangkan apakah bentuk syot-syot yang boleh dihasilkan melalui setiap pergerakan tersebut.
- b. Terangkan apakah peranan cahaya di dalam penerbitan studio dan apakah lampu-lampu yang utama digunakan untuk sebuah penerbitan temuramah di dalam studio.

(25 markah)

...2/-

4. Apakah kekuatan dan kelemahan format filem apabila dibandingkan dengan format video? Jawapan anda harus merangkumi aspek-aspek rakaman ("shooting"), penyuntingan dan tayangan.

(25 markah)

5. a. Mengapakah perlu anda mempunyai perancangan yang teliti dalam bentuk skrip rakaman ("shooting script") sebelum memulakan rakaman untuk sebuah dokumentari atau laporan video?

- b. Terangkan dengan ringkasnya beberapa jenis syot yang boleh dirakamkan untuk sebuah dokumentari atau laporan yang menggunakan hanya satu kamera.

(25 markah)

-ooo00ooo-